



■ RAHMAN HASSAN

Pesilat negara diumumkan pada latihan ^{3. Harian (M)} 23 MAR 1989 } peringkat ke-6

LATIHAN pusat peringkat keenam di Kompleks Sukan Kampung Pandan, Kuala Lumpur, pada 9-16 Jun ini, akan menjadi penentu kepada pembentukan skuad silat negara ke Sukan SEA XV, Ogos ini.

Setiausaha Agung Persekutuan Silat Kebangsaan (Pesaka), Abdul Rahman Hassan, berkata pelatih-pelatih perlu menggandakan latihan ketika menjalani latihan di pusat cemerlang sebelum memasuki latihan keenam selama seminggu itu.

"Mereka yang disenaraikan membawa cabaran negara ke Sukan SEA akan diumumkan pada hari terakhir latihan pusat keenam," katanya, di Kuala Lumpur, semalam.

Menurutnya, sepanjang latihan pusat itu, ketua jurulatih pusat cemerlang, Sani Murni akan memilih 15 pesilat daripada 30 pelatih yang memenuhi syarat kelayakan sahaja.

Beliau berkata, antara syarat pemilihan itu ialah setiap pelatih mengikutinya sepenuhnya latihan pusat dan pusat cemerlang serta mempunyai kemampuan yang memuaskan.

Bagaimanapun, Abdul Rahman berkata ketua jurulatih itu puas hati terhadap kesungguhan 30 pesilat yang menyertai latihan pusat di Kota Bharu (15-26 Feb).

Menurutnya, harapan Pesaka untuk mewujudkan pasukan pesilat yang benar-benar mantap ke Sukan SEA akan tercapai jika kesungguhan mereka sentiasa tinggi.

Dalam perkembangan lain, Pesaka mungkin tidak menghantar peserta ke Kejohanan Jemputan Brunei, yang dijadual Jun ini, berikutan pihak berkenaan tidak menjawab surat yang dihantar bulan lalu.